



Headline: Penipuan sindiket dalam talian: Isu besar perlu dipandang serius oleh semua pihak
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 20 July 2021

Language: Malay

Section: Rencana
Page: 9

Penipuan sindiket dalam talian: Isu besar perlu dipandang serius oleh semua pihak



Oleh Abang Ismail Abang Sur'ud

Mukadimah

PENIPUAN dalam talian sehingga membabitkan kerugian jutaan ringgit terhadap mangsa harus dikehadang dan masyarakat perlu melihat isu ini sebagai isu besar sekali gus dipandang serius semua pihak dengan berganding bahu bersama berusaha membanteras jenayah komersial ini iaitu sentiasa peka situasi dan maklumat semasa serta berwaspada dengan taktik-taktik licik sindiket ini.

Komuniti perlu sentiasa beringat supaya tidak terjerat dengan pelbagai umpanan serta modus operandi digunakan oleh sindiket penipuan ini berusaha menjerat mangsa bagi mendapatkan habuan wang daripada mangsa.

Menyelami lebih mendalam pelbagai kes penipuan dalam talian ini Utusan Borneo mendapatkan pandangan penjawat awam, anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO) orang awam, pesara guru dan pekerja sektor industri di Bintulu berkenaan kes ini menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) Ibu

Pejabat Polis Daerah (IPD) Bintulu merekodkan kerugian dialami mangsa di Bintulu mencecah lebih RM5 juta dalam tempoh dua tahun pertama dari Januari hingga Jun 2020 dan 2021.

Anggota NGO, Ismawi Ishak menyifatkan sindiket penipuan dalam talian sejak akhir-akhir ini menjerat semakin ramai mangsa terutamanya di Bintulu dengan menggunakan pelbagai cara.

Katanya, mangsa lazimnya mudah terpedaya apabila 'ditakut-takutkan' seolah-olah mangsa menghadapi masalah dengan pihak berkuasa seperti PDRM, Imigresen dan sebagainya sehingga akur membayar sejumlah wang seperti diminta.

"Dalam keadaan cemas mangsa tidak dapat berfikir secara waras dan mudah tertipu. Yang paling popular ialah 'Love Scam' masih berlaku pada masa ini.

Akibat daripada mabuk cinta akhirnya sanggup membayar sejumlah wang yang banyak sehingga akhirnya menyebabkan mangsa mengalami kerugian," katanya.

Selain itu, penipuan dalam talian juga berlaku melalui aplikasi laman sosial sehingga ramai kaki 'hidung belang' tertipu dengan pujukan melakukan hubungan intim dan mangsa sanggup membayar secara dalam talian malah terperangkap dengan



ISMAWI

ugutan penyebaran gambar dan video tidak senonoh.

Justeru, teknologi canggih masa kini mampu membuat pelbagai cara menipu mangsa misalnya penipuan kemudahan pinjaman secara dalam talian dan mangsa dikehendaki membayar sejumlah wang.

"Saya menyeru agar semua pengguna media sosial tidak terpedaya terhadap sesuatu tidak pasti dan boleh mendatangkan kerugian, membahayakan diri dan keluarga kerana kemajuan teknologi tidak semuanya positif sebaliknya dimanfaatkan orang tertentu dengan cara salah," katanya.

Beliau berkata, ibu bapa juga diseru sentiasa memantau aktiviti anak masing-masing semasa melayari laman sosial dalam talian internet agar mereka tidak terjerumus dengan jenayah penipuan.

Pesara guru, Ali Sabri Saber Ali Khan melihat kes mangsa tertipu melalui alam maya bukan perkara baharu serta berlaku sejak beberapa tahun lalu dengan jumlah kerugian menjangkau puluhan juta ringgit.

Katanya, ia melibatkan semua golongan sama ada berpelajaran tinggi atau rendah, lelaki atau wanita, tua dan muda.

"Pelbagai cara dan kaedah diusahakan oleh pihak berkuasa sama ada diuar-uarkan melalui media bercetak, elektronik termasuk media sosial mengingatkan masyarakat agar tidak tertipu dan perkara sebegini tidak terus berlaku.

"Malah, saban hari kita mengikuti maklumat berkaitan dalam bentuk amat ringkas, jelas dan padat. Rakaman video untuk mengingatkan orang ramai juga ditularkan agar masyarakat tidak mudah tertipu dengan sindiket dalam talian," katanya.

Namun, amat menghairankan ia tetap juga berlaku, mengapa? kerana penipu memang ternyata sentiasa mencari ruang, peluang dan kaedah tipu muslihat berlainan dari semasa ke semasa sehingga mangsa tidak sedar mereka ditipu.

"Jika satu cara gagal mereka



ALI SABRI

cipta dan mencuba cara lain. Jika setakat kewangan terjerus mungkin kesannya tidak seberapa bak kata 'segelintir orang wang boleh dicari'.

"Tetapi, jika melibatkan wang simpanan ratusan ribu ringgit untuk waktu ini ia sebagai sesuatu amat diperlukan maka sudah tentunya mangsa benar-benar terkesan," jelasnya.

Katanya, apakah mereka mampu menghadapi tekanan hidup selepas itu? Bagaimana pula jika ia melibatkan tercemar maruah seseorang wanita amat mengharapkan pasangan hidup jujur dan setia tetapi ternyata sebaliknya.

Jelasnya, kita pernah mendengar cerita ada gadis dipaksa menjual kehormatan mereka sehingga berlaku kerosakan dan keruntuhan rumah tangga lantaran terpicak dengan orang lain selepas dijanjikan bulat dan bintang ternyata semuanya palsu.

"Mereka sudah di usia senjapun tidak terkecuali, mereka ditipu dengan pelbagai cara serta anahnya mereka amat yakin sehingga sanggup dan rela memasukkan wang simpanan mereka ke dalam akaun orang-orang tidak dikenali.

"Pelbagai andaian berlegar sekitar komuniti kita. Ada yang mengatakan mangsa seolah-olah dipukau dari jarak jauh, tidak mampu berfikir dengan betul, patuh sahaja dengan permintaan pihak-pihak berkenaan tetapi realitinya mungkin mangsa sebenarnya mudah tertipu serta berfikir terlalu polos," katanya.

Beliau berkata, kita tidak harus memikirkkan bahawa semua manusia adalah jujur dan menafikan penganiayaan atau pengkhianatan tidak berlaku.

"Kita cepat cemas bila menerima panggilan kononnya dari pihak bank, mahkamah, PDRM, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan sebagainya.

"Ada juga tipu helah amat sukar untuk kita hidu sebagai penipu semakin mudah kita dihubungi oleh penipu ini maka semakin mudah kita



AZMAN

tertipu," jelasnya.

Disebabkan itu katanya, sewajarnya kita menggunakan akal fikiran, kebijaksanaan dan budi bicara untuk menganalisa atau menyelidik keadaan.

Menurutnya, fikir dahulu dengan tenang dan sedalam-dalamnya sebelum meyakini setiap panggilan, pemakluman atau mungkin berbentuk ugutan kononnya mangsa diambil tindakan mahkamah jika tidak melayan permintaan mereka (suspek).

"Sekiranya berlaku kes ugutan seumpamanya, tanya dahulu kepada sesiapa pun kita yakin dapat memberi pendapat, maklumkan kepada anak-anak kita, cucu kita, sahabat kita, kaum keluarga kita dan lain-lainnya atau berhubung terus dengan pihak berkuasa tertentu supaya dapat memberi nasihat bernas dan berguna agar kita tidak terjerat dengan umpanan sindiket penipuan," katanya.

Meskipun ada berhutang, mangsa tidak harus terus menggelabah apabila dituntut hutang oleh orang bukan dihutang sebaliknya cari sebanyak-banyaknya maklumat untuk menyelamatkan diri, wang, harta atau maruah diri supaya tidak tertipu.

Jikapun perlu membeli barangan dalam talian misalnya, siasat latar belakang syarikat berkenaan dari pelbagai sudut dan jika masih merasa ragu-ragu dan curiga lebih baik batalkan saja niat untuk membelinya.

"Kita ada banyak pilihan membeli setiap barang di sini. Jangan terkongkong dengan satu-satu jenama atau syarikat sahaja memandangkan jenama-jenama terkenal pun tidak selamat daripada dicitak dan ditiru.

"Seandainya barang kita ingini itu memang tiada di pasaran terbuka, kita tidak dapat berbuat apa-apa tetapi kita perlu berhati-hati agar wang kita tidak melayang atau lesap begitu sahaja masuk ke kantung orang lain," katanya.

Manakala pekerja sektor industri minyak dan gas, Azman Drahan melihat se-



SAMSURI

setengahnya suka mengambil jalan mudah untuk mendapatkan sesuatu dan bertindak bersendirian.

Katanya, masalah penipuan atau istilah lain 'scammer' selalu terkena kepada suka mengambil jalan mudah mendapatkan duit atau pinjaman tanpa memikir sebarang kemungkinan akan berlaku seperti tertipu contohnya penipuan pinjaman wang cara mudah atau skim cepat kaya.

Keadaan ini, ia berlaku apabila seseorang itu bertindak bersendirian tanpa minta nasihat dari kawan boleh dipercayai, terpedaya dengan janji manis peminjam atau tertarik dengan iklan-iklan menjanjikan berbagai faedah tidak munasabah.

"Lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi sekarang meruncing ramai peniaga dan pekerja dalam kesempatan kewangan mereka, peminjam mengambil kesempatan memberi jaminan pinjaman cara mudah, tidak memerlukan penjamin, dokumen ala kadar dan secara cepat.

"Kita kena kaji dan selidik apakah jaminan itu munasabah atau logik dari segi akal? Contohnya kita nak pinjam wang tetapi kita terpaksa keluaran sejumlah wang sendiri mendapatkan jumlah wang besar dan bayaran bulanan sedikit atau peminjam memberi tawaran barangan hadiah lumayan," katanya.

Beliau berkata, sebagai ahli masyarakat yang bijak, kita kena berfikir secara waras dan logik dari segi akal dan perhitungan kita, bertanya dengan kawan lebih tahu dan cari informasi tepat mengenai syarikat peminjam tersebut.

Menurutnya, jangan membuat keputusan bersendirian dan terburu-buru serta amat penting untuk kita mengetahui siapa peminjamnya.

"Adakah pinjaman itu dari institusi kewangan berlesen seperti bank atau pemberi pinjaman wang atau syarikat kredit? Pinjaman daripada institusi kewangan berlesen adalah pilihan paling selamat kerana ia dikawal selia oleh bank pusat," jelasnya.

Selanjutnya, satu lagi tak-



ROSLAN

terbiasa digunakan penipu adalah memancing data (phishing) yang mana dalam kes seperti ini penipu men-yamar untuk menipu mangsa bagi mendapatkan maklumat peribadi seperti butiran per-bankan dan kad kredit serta kata laluan.

"Terdapat beberapa cara dilakukan penipu mungkin menyamar sebagai kakitangan institusi kewangan terkenal atau syarikat pinjaman dengan laman sesawang kelihatan sah atau cara biasa ialah melalui e-mel," katanya.

Begitupun, adalah lebih baik kita sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan muslihat atau tipu helah pihak-pihak tertentu serta jangan sesekali panik dan mengikut arahan diberikan oleh pemanggil tanpa terlebih dahulu menghubungi polis atau institusi kewangan terbabit.

"Yang penting jangan hubungi semula nombor telefon diterima, sebaliknya dapatkan nombor telefon rasmi syarikat, organisasi atau institusi terbabit untuk pengesahan lanjut.

"Jangan dedahkan nombor akaun bank, nombor kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM), nombor TAC, OTP atau kad kredit kepada orang yang tidak dikenali.

"Layari portal rasmi Bank Negara Malaysia (BNM) mendapatkan maklumat dan nasihat terkini berhubung penipuan kewangan," jelasnya.

Selain itu, beliau mengu-langi agar seseorang itu tidak bertindak bersendirian dan perlu meminta nasihat dari kawan lebih mengetahui sekiranya mendapat panggilan dengan janji manis dan pulangan kewangan yang melimpah, tidak membeli barang yang tidak diketahui keadaannya dalam talian serta membuat laporan polis untuk tindakan lanjut dan segera sekiranya menjadi mangsa sindiket penipuan dalam talian.

Senada dengan kewaspadaan terhadap sindiket penipuan, Samsuri Narawi

pula menyatakan tindakan segera perlu diambil supaya tidak menjadi mangsa adalah mengabaikan panggilan nombor telefon tidak dikenali atau tidak melayan pertanyaan tiada kaitan daripada pemanggil misalnya masalah hutang, pinjaman

tertunggak tidak wujud dan sebagainya.

Katanya, apa yang penting ialah berhati-hati dan sentiasa peka dengan nasihat polis serta mengambil pengajaran daripada kes-kes yang dilapor dalam media, yang ditularkan melalui media sosial, WhatsApp, televisyen dan radio.

Kakitangan awam, Roslan Ismail berkata secara peribadinya beliau melihat undang-undang dan hukuman sedia ada melibatkan isu ini sudah mantap.

Katanya, apabila semakin banyak siasatan, tindakan dan paling utama adalah hukuman dikenakan kepada pelaku oleh pihak berkuasa mungkin menjadikan penjenayah lebih takut.

Susulan itu, kita perlu mengelak diri menjadi mangsa penipuan dengan memutuskan serta-merta panggilan telefon mencurigakan dan tidak melayan mesej atau WhatsApp daripada nombor tidak dikenali terutamanya ditawarkan pelbagai perkara menarik tetapi meragukan.

Abdul Rahman Ibrahim turut mengakui banyak berlaku kes penipuan dalam talian sejak akhir-akhir ini disebabkan keadaan hidup sukar kesan daripada pandemik COVID-19.

Katanya, ada pihak mengambil kesempatan dan jalan mudah menipu orang lain mendapat keuntungan cepat dan mengingatkan agar kita berhati-hati apabila mendapat panggilan atau mesej mempunyai unsur-unsur penipuan.

"Kita jangan cepat mengelabih dan teruja dengan janji-janji dan lakonan mereka kononnya dapat membantu kita. Minta pendapat rakan atau orang terdekat dengan kita terlebih dahulu untuk mengesahkannya bagi mengelak membuat tindakan merugikan diri," katanya.

